

UPM gegar USM

» Juara kategori lelaki dan wanita Pesta Hoki Antarabangsa

Oleh Anis Nabilla Md Wazilah
bhsukan@bh.com.my

Georgetown

Pasukan Universiti Putra Malaysia (UPM) unggul apabila muncul juara bagi kategori institut pengajian tinggi (IPT) lelaki dan wanita pada Pesta Hoki Antarabangsa Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang edisi ke -41, di sini, baru-baru ini.

Dalam perlawanan akhir, bagi kategori lelaki, pasukan 17 Predator UPM menewaskan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) Black 1-0 menerusi jaringan tunggal Mohd Afnanizam Zakaria.

Bagi wanita pula, pasukan UPM A menundukkan rakan sepasukan,

UPM B dengan keputusan 3-2.

Juara bagi kedua-dua kategori masing-masing membawa pulang wang tunai RM1,000 selain piala pusingan, medal dan hamper. Ia disampaikan oleh Setiausaha Bahagian Sukan, Sektor Pengajian Tinggi Kementerian Pendidikan, Hazally Jali di Stadium Hoki USM, di sini.

Medan cari bakat

Sebanyak 404 pasukan dari dalam dan luar negara mengambil bahagian dalam kejohanan yang berlangsung selama empat hari itu.

Kejohanan itu turut menyaksikan 12 kategori dipertandingkan antaranya lelaki terbuka klasik, wanita terbuka klasik, IPT lelaki dan wanita, lelaki dan perempuan bawah 18 tahun, remaja lelaki dan perempuan bawah 15 tahun serta lelaki dan perempuan bawah 12 tahun.

Sementara itu, Pro Canselor UPM, Tan Sri Mustafa Mansur, dalam ucapannya pada majlis makan malam sempena pesta berkenaan berkata, kejohanan itu adalah medan bagi mencari dan mengasah bakat baharu dalam sukan berkenaan.



Pasukan hoki lelaki dan wanita UPM ceria bersama trofi kejuaraan.

[FOTO DANIAL SAAD/ BH]